

NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 30.11.2017 (KHAMIS)**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:**

- (a) sejauh manakah keberkesanan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang dilaksanakan Kementerian mampu untuk membantu masyarakat dalam menangani kos sara hidup; dan
- (b) berapa banyak peniaga yang telah dipantau dan dikenakan penalti oleh pihak Kementerian bagi memastikan keberkesanan kawalan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Skim Skim Kawalan Harga Musim Perayaan dilaksanakan semasa **6 perayaan utama** iaitu Tahun Baru Cina, Hari Gawai (Sarawak sahaja), Pesta Keamatan (Sabah sahaja), Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas.

Semasa musim perayaan tersebut, beberapa jenis barang keperluan dikenal pasti sebagai **barang harga terkawal musim perayaan** untuk ditentukan harga maksimum bagi suatu tempoh tertentu. Ia bertujuan **memastikan harga barang berkenaan tidak meningkat** akibat permintaan yang tinggi serta **bekalannya stabil**. Usaha ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam membantu menangani kos sara hidup negara ini di samping memastikan harga barang di pasaran adalah wajar, seterusnya hak-hak pengguna terjamin daripada sebarang penetapan harga barang yang tidak berpatutan.

Pada tahun 2017, Skim ini telah dilaksanakan bagi perayaan Tahun Baru Cina, Pesta Keamatan, Hari Gawai, Hari Raya Puasa dan Deepavali.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga **30 Jun 2017**, KPDNKK telah melaksanakan sebanyak **49,771 pemeriksaan** ke atas semua peringkat perniagaan di seluruh negara. Sebanyak **335 kes** tindakan kes telah diambil dengan **jumlah rampasan bernilai RM36,297.18** dan keseluruhan **nilai kompaun dikenakan sebanyak RM46,750.00**.